



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA DI MALAYSIA

Wabak yang disebabkan virus influenza bermusim akan menyebabkan demam selsema yang ringan pada kebanyakan individu. Di Malaysia, jangkitan influenza cenderung berlaku sepanjang tahun dan boleh menyerang semua peringkat umur, termasuk kanak-kanak mahupun orang dewasa. Kebanyakan pesakit pulih dalam masa seminggu tanpa memerlukan rawatan perubatan. Namun, ia boleh menyebabkan jangkitan yang teruk kepada kumpulan berisiko tinggi.

Adalah dimaklumkan bahawa jangkitan influenza tidak tertakluk kepada keperluan pelaporan/notifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Namun, KKM sentiasa memantau tren aktiviti influenza mahupun kejadian wabak jangkitan saluran pernafasan melalui sistem pelaporan sedia ada dan daripada lokasi-lokasi sentinel yang telah dikenal pasti di seluruh negara.

Berdasarkan analisa semasa bagi trend aktiviti influenza mendapati ianya merekodkan bacaan yang stabil. Sepanjang bulan Julai 2023, kadar konsultasi kes influenza like-illness (ILI) adalah di antara 6.14% hingga 6.44%, manakala kadar kemasukan pesakit ke wad dengan *severe acute respiratory infection* (SARI) adalah antara 6.98% hingga 8.79% dalam tempoh yang sama.

Bagi aktiviti surveilans makmal yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) juga tidak mengesan sebarang kelainan atau perubahan/mutasi pada virus influenza yang menular pada ketika ini. Peningkatan trend yang direkodkan adalah melibatkan virus influenza sedia ada iaitu 54 peratus virus influenza A(H1N1), 40 peratus virus influenza A (H3), 5 peratus virus SARS-CoV-2, dan 1 peratus influenza B, pada ME 31/2023 (30 Julai – 5 Ogos 2023).

Seterusnya, terdapat 19 kluster jangkitan berkaitan saluran pernafasan (selain COVID-19) yang dilaporkan pada ME 31/2023, meningkat dari 18 kluster yang dilaporkan pada ME 30/2023 (23 Julai - 29 Julai 2023). Sejumlah 155 kes terlibat dalam kluster tersebut. Jumlah kumulatif kluster yang dilaporkan sehingga ME 31/2023 adalah 199 berbanding 282 bagi tempoh yang sama Tahun 2022, iaitu penurunan sebanyak 83 (29.4%). Kluster tertinggi yang dilaporkan berlaku di sekolah menengah dan rendah iaitu sebanyak 101 kluster (50.8%), diikuti 40 kluster (20.1%) di tadika. Tiada kes kematian dilaporkan daripada kesemua kluster yang telah direkodkan sepanjang tahun ini.

Sebagai langkah pencegahan penularan jangkitan influenza, KKM ingin mengingatkan orang ramai agar sentiasa mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi, kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau pensanitasi tangan, mengamalkan etika batuk yang baik dan mengamalkan cara hidup sihat. Orang ramai terutamanya golongan berisiko tinggi juga digalakkan untuk mendapatkan vaksin influenza bermusim secara tahunan yang ditawarkan oleh kebanyakan fasiliti kesihatan swasta di seluruh negara.

Bagi mereka yang mempunyai gejala jangkitan influenza, sila laksanakan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Berehat di rumah dan tidak pergi ke tempat tumpuan ramai. Sekiranya perlu ke tempat awam, mereka dinasihatkan untuk memakai pelitup muka dengan betul bagi mengelakkan penularan jangkitan melalui titisan pernafasan;
- ii. Menutup hidung dan mulut dengan tisu, tuala atau sapu tangan apabila batuk atau bersin. Seterusnya, tisu yang telah digunakan perlu dibuang dengan segera ke dalam tong sampah;
- iii. Mengelakkan dari berkongsi peralatan peribadi seperti tuala, sapu tangan dan sebagainya dengan individu yang lain; dan
- iv. Segera berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan bagi mendapatkan rawatan lanjut sekiranya gejala bertambah teruk seperti demam dan batuk/ sakit tekak yang berterusan.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan influenza di dalam dan luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO dan pihak berkuasa negara-negara serantau. Selain itu, KKM sentiasa memastikan agar langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN

KETUA PENGARAH KESIHATAN

18 OGOS 2023